

17

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
**KAWASAN :** KOTA RAJA  
**TARIKH :** 5 APRIL 2018  
**NO. SOALAN :** 18

**SOALAN**

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan persediaan dan kemampuan Malaysia untuk mengelak daripada terjerumus dalam 'perangkap hutang' oleh China seperti yang telah berlaku di Sri Lanka apabila terpaksa menyerahkan pelabuhan Hambantota kepada sebuah syarikat China untuk membayar hutang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara aspek utama yang diambil kira oleh Kerajaan sebelum menerima sesuatu projek pelaburan luar adalah memastikan projek tersebut dapat memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Ini termasuklah bagi projek-projek yang melibatkan penyertaan syarikat-syarikat dari negara China.

Sehubungan itu, pelbagai mekanisme telah dilaksanakan oleh Kerajaan terutamanya dalam usaha memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan strategik yang melibatkan penyertaan syarikat luar dengan jumlah pelaburan yang besar.

Bagi Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) misalnya, menurut Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), projek ini dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia melalui syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Projek ECRL ini yang membabitkan 85 peratus pembiayaan melalui pinjaman mudah (*soft loan*) daripada Export-Import Bank of China (EXIM China) dengan kadar faedah yang rendah untuk tempoh 20 tahun termasuk 7 tahun, dengan izin, *grace period*, iaitu tiada bayaran prinsipal diperlukan sepanjang tempoh tujuh tahun pertama manakala baki 15 peratus dibiayai melalui program sukuk atau bon yang diuruskan oleh institusi kewangan tempatan.

Pihak Kerajaan juga telah turut merancang daripada segi unjuran kewangan dan *cashflow*. Berdasarkan kemampuan dan disiplin fiskal Kerajaan, adalah diyakini bahawa pembayaran balik pinjaman mudah dan sukuk projek ECRL akan dapat diselesaikan. Ini kerana projek ECRL merupakan satu projek infrastruktur jangka panjang yang berdaya saing dan bakal memberi keuntungan dari segi ekonomi rakyat dan negara.

MOF juga memaklumkan bahawa pembayaran semula kos pinjaman projek ECRL akan dibuat menerusi pendapatan hasil operasi ECRL seperti fi perkhidmatan kargo dan kutipan tambang penumpang serta pendapatan bukan operasi (*non-fare revenue*) seperti *Transit Oriented Development* (TOD), pengiklanan dan peruncitan. Hasil limpahan ekonomi dan kesan berganda (*multiplier effect*) daripada projek ini bakal meningkatkan hasil kerajaan apabila ECRL beroperasi kelak pada tahun 2024.

Tuan Yang di-Pertua,

Mekanisme pemantauan juga turut diwujudkan oleh Kerajaan dalam pelaksanaan projek-projek di bawah inisiatif “One Belt One Road” (BRI), di mana Sekretariat Kebangsaan BRI telah ditubuhkan di MITI untuk menyelaras, mempermudah dan memantau pelaksanaan BRI di Malaysia bagi memastikan impak pelaksanaan projek-projek BRI memanfaatkan negara dan rakyat.

Pelaksanaan inisiatif BRI di Malaysia juga akan diselaraskan dengan dasar negara untuk menarik pelaburan langsung dari China dalam sektor-sektor terpilih yang akan memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. BRI yang dilaksanakan di Malaysia adalah selari dengan dasar strategik Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) yang memberi fokus kepada usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, mempercepatkan pembangunan modal insan, mengukuhkan infrastruktur untuk menyokong pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi untuk kemakmuran rakyat Malaysia ke arah pembangunan hijau dan lestari.

Inisiatif BRI juga akan meningkatkan lagi hubungan rakyat antara dua buah negara. Kini, China telah menjadi sumber utama pelancong asing ke Malaysia yang telah memberi manfaat ekonomi kepada negara. Daripada aspek kesalinghubungan (*connectivity*) pula, kerjasama erat di antara Malaysia dan China dapat dilihat melalui perhubungan udara apabila syarikat penerbangan AirAsia diberi hak untuk menawarkan penerbangan domestik dalam negara China.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menghargai dan prihatin terhadap setiap maklum balas konstruktif bagi memastikan penyertaan syarikat asing di Malaysia, termasuk dari negara China dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada negara dan rakyat. Sehubungan ini, pelbagai strategi dan langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kepentingan negara terus terpelihara.

Sekian terima kasih.

21  
NO.SOALAN : 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS**  
**[SEPANGGAR]**

**TARIKH JAWAPAN : 5 APRIL 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta MENTERI TENAGA,  
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:**

- a) adakah benar Sabah Electricity Sdn. Bhd. akan diswastakan; dan
  
- b) apakah kaedah penyelesaian yang akan diambil Kementerian dalam menyelesaikan isu SESB khususnya dalam isu kerugian.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah ditubuhkan pada 1 September 1998 melalui proses penswastaan Lembaga Letrik Sabah (LLS) dengan pegangan ekuiti oleh Tenaga Nasional Berhad sebanyak 80% dan Kerajaan Negeri Sabah sebanyak 20%. Tujuan penswastaan ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan meningkatkan kecekapan operasi syarikat utiliti. Dalam hubungan ini, tidak timbul isu untuk menswastakan SESB.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Kerajaan sedang mencari penyelesaian secara menyeluruh mengenai isu kedudukan kewangan SESB. Pada masa ini, SESB berada dalam kedudukan kewangan yang positif hasil daripada bantuan subsidi bahan api yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.

3. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga turut memberikan bantuan kewangan lain seperti subsidi sokongan tarif (*Tariff Support Subsidy*) dan geran berjumlah RM441 juta pada tahun 2017 kepada pihak SESB untuk membantu perbelanjaan modal dan operasi syarikat.
  
4. Punca utama kedudukan kewangan SESB yang lemah ini adalah disebabkan oleh kadar tarif yang tidak mencerminkan kos pembekalan elektrik sebenar. Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan sedang meneliti usaha-usaha untuk mengoptimumkan kos pembekalan elektrik di Sabah bagi mengurangkan jurang antara kos pembekalan elektrik sebenar dan tarif yang dikenakan kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

.....